

01/07/2002

Nasib orang Melayu belum terjamin

Mior Kamarul Shahid

BILANGAN anak yang mengikuti pendidikan di pelbagai institusi pendidikan sama ada yang ditaja kerajaan atau swasta, adalah besar. Adalah sukar untuk mencari angka sebenar bilangan mereka terutama di institusi pendidikan swasta kerana bilangan kemasukan atau jumlah mereka yang berhenti, tidak menentu.

Ada yang meninggalkan institusi swasta kerana mendapat tempat di luar negara atau bertukar kursus di institusi lain atau berhenti kerana ibu bapa tidak lagi mampu membiayai kos pendidikan anak mereka. Di institusi pengajian yang ditaja kerajaan, mereka yang berhenti adalah disebabkan gagal peperiksaan atau masalah disiplin.

Tidak kurang juga ramai yang menarik diri kerana tidak lagi berminat atau sukar mengikuti pelajaran. Mereka adalah golongan yang lemah dari segi pelajaran sewaktu di sekolah menengah dan ingin bekerja sebagai juru jual di kompleks beli-belah atau restoran makanan segera. Bagi mereka dalam usia belasan tahun, sekiranya tidak lagi menuntut pelajaran, taraf sosial mereka jatuh daripada seorang penuntut kepada seorang penganggur.

Jika sebelum ini mereka boleh memberitahu orang lain yang mereka belajar di sesebuah kolej atau institusi pengajian, sekarang mereka terpaksa memberitahu bahawa mereka tidak lagi berbuat apa-apa. Biasanya mereka tidak sebut yang mereka adalah penganggur. Mereka pun tahu bahawa darjat penganggur adalah begitu rendah di mata masyarakat. Mereka yang menganggur meletakkan harapan untuk mencari pekerjaan bagi menampung perbelanjaan sendiri.

Bagi golongan ini mereka tidak sedikit pun mengharapkan yang mereka akan berada pada kedudukan yang tinggi dalam sektor pekerjaan. Mereka tidak boleh lagi berangan-angan untuk menjadi doktor, peguam, arkitek, jurutera, akauntan dan sebagainya sekiranya tidak menyambung pelajaran dalam sesuatu bidang.

Untuk mencari pekerjaan, mereka terpaksa menggunakan sijil tertinggi yang mereka miliki sama ada Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Penilaian Menengah Rendah (PMR). Mereka juga terpaksa bersaing dengan begitu ramai golongan yang memiliki kelayakan yang sama. Di sektor pekilangan, bilangan pemegang STPM dan SPM boleh dianggap sebagai paling ramai hari ini. Sekiranya terlalu memilih pekerjaan pula, mereka tidak akan bekerja hingga bila-bila. Jika tidak mahu bekerja makan gaji mereka terpaksa bekerja sendiri,

Untuk berniaga, mereka memerlukan modal. Modal mudah disebut tetapi sebenarnya sukar dicari. Sekali pun ada pelbagai skim yang boleh membantu, syarat yang ditetapkan perlu pula dipatuhi. Kebanyakan orang yang tidak berjaya hari ini ialah kerana mereka mengharapkan modal atas angin. Jika mahu berkongsi, masing-masing mengesyaki antara satu dengan lain.

Berniaga juga memerlukan pengalaman. Untuk membuka gerai roti canai sekali pun, mereka perlu tahu membuat roti canai terlebih dulu sebelum mahu menjadi tauke. Ini bermakna mereka perlu belajar membuat roti canai dengan menjadi pekerja di gerai roti canai terlebih dulu. Untuk lebih terurus, mereka perlu mengikuti kursus bagi mengetahui sedikit sebanyak selok-belok perniagaan. Jika belanja lebih besar daripada untung, gerai terpaksa ditutup.

Berniaga adalah pekerjaan sepenuh masa, tidak boleh diserahkan kepada orang lain untuk menguruskannya kerana wang yang masuk ke dalam laci mungkin sedikit daripada yang masuk ke dalam kocek pekerja yang

menguruskan perniagaan. Perkara ini memang sering didengar.

Dengan itu perniagaan orang seperti ini tidak pernah yang berjaya. Mereka sering merungut kerana untung yang mereka peroleh tidak berbaloi dengan modal dan masa yang mereka gunakan. Masalah seperti ini sering dihadapi oleh orang Melayu. Minat di kalangan orang Melayu untuk berniaga begitu tinggi tetapi mereka sering gagal dari segi pengurusan. Ini kerana mereka berniaga kerana tidak dapat memikirkan cara lain untuk menjadi senang.

Disebabkan gagal meneruskan pelajaran, mereka membabitkan diri dalam bidang perniagaan sedangkan mereka masih belum bersedia. Ini berbeza dengan kaum Cina. Mereka memang dididik dari kecil oleh ibu bapa mereka supaya berniaga. Namun, mereka masih cemerlang dalam pelajaran walaupun matlamat akhir mereka adalah menjadi seorang peniaga.

Lihat sajalah syarikat besar yang dikuasai orang Cina. Mereka menguruskan syarikat mereka dengan baik. Lihat pula sesetengah syarikat yang dikuasai oleh orang Melayu. Apa sudah jadi. Kata-kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengatakan bahawa orang Melayu belum selamat, ia adalah ungkapan yang tepat. Walaupun ramai orang Melayu yang kelihatan berjaya, dari segi realitinya, mereka masih belum maju sepenuhnya dan bebas daripada masalah.

Dengan kata lain, nasib orang Melayu masih belum terjamin. Cerita yang paling biasa didengar ialah mereka terpaksa menghadapi masalah hutang kerana perniagaan mereka dibiayai daripada hutang bank yang wajib dibayar balik. Jika syarikat besar milik Melayu sering dilanda masalah, bagaimana pula dengan orang Melayu yang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan. Sekiranya bertanya kepada peniaga Melayu, pelbagai masalah yang boleh didengar.

Tetapi, jika berbual dengan peniaga Cina, jarang benar mendengar mereka mengeluh. Mereka berniaga atas modal yang mereka kumpul sedikit demi sedikit. Mereka tidak mengharapkan pinjaman bank kerana sedar bahawa membayar balik pinjaman adalah satu bebanan yang amat berat.

Orang Cina pula mempunyai rangkaian perniagaan baik yang boleh membantu antara satu dengan lain. Keadaan ini tidak berlaku di kalangan peniaga Melayu. Mereka berurusan sesama sendiri bagi mendapatkan bahan atau bekalan untuk memastikan setiap mereka mendapat habuan setimpal.

Sebaliknya, di kalangan peniaga Melayu, mereka sering tidak dipercayai antara satu dengan lain. Untuk mendapatkan bekalan, mereka mendapatkan daripada pembekal Cina atas alasan paling popular harga yang lebih murah, tempoh penghantaran yang tepat dan mutu yang lebih baik.